

Memori KORPORAT

UiTM DALAM SEJARAH



Pengarah Maktab MARA / Institut Teknologi MARA Ke -7 :

Encik Arshad Ayub (Tan Sri Dato' Seri Utama)

Tempoh Berkhidmat :

1 Disember 1965 - 24 Mac 1976

Pada 1 Disember 1965 Encik Arshad Ayub seorang ahli ekonomi telah dipinjamkan oleh MARA dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebagai Pengetua Maktab MARA ke-7 menggantikan Encik Basha Merican yang telah meletakkan jawatannya sebagai Pemangku Pengetua Maktab MARA pada 30 September 1965.

Semasa menjadi Pengarah ITM beliau membentuk dan memupuk ITM dengan penuh ketegasan dan kebijaksanaan. Hasilnya dalam jangkamasa hampir lapan tahun beliau telah berjaya menambahkan bilangan pelajar daripada seramai 154 orang kepada 8000 pelajar dengan mengikuti lebih daripada 60 bidang kursus. Ini adalah satu pencapaian yang menakjubkan dan dalam masa yang sama beliau bekerja keras untuk meninggikan imej lulusan ITM.

Beliau dilahirkan pada 15 November 1928 di Muar, Johor. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Parit Keruma, Muar, Johor sebelum melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris Kerajaan juga di Muar, Johor. Kemudian beliau telah melanjutkan pelajaran ke Kolej Pertanian Serdang, Selangor (1951-1954) dan University College of Wales, Aberystwyth, United Kingdom (1954-1958). Pada tahun 1963 beliau terpilih untuk mengikuti kursus di Management Development Institute (IMEDE), Lausanne, Switzerland dan memperolehi Diploma Pentadbiran. Kerjaya beliau bermula seawal tahun 1951 apabila beliau bertugas sebagai Penolong Pegawai di Lembaga Pembangunan Industri Desa RIDA. Beliau juga adalah penerima Anugerah Tokoh RIDAMARA sempena Sambutan Jubli Emas pada tahun 2000. Beliau kini adalah sebagai Pro Canselor UiTM dari 01 Jun 2000 sehingga sekarang.

Sumber :

ITM Warisan Bangsa
Documenting A Destiny (1956-2006)
A Second Chance – Life and Mission of Arshad Ayub
Majlis Amanah Rakyat
Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti, Pejabat Pendaftaran